



Lembaran Pendedahan Produk

Private Car Plus

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Insurans Private Car Plus. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan perlindungan terhadap liabiliti pihak lain yang disebabkan oleh kecederaan atau kematian, kerosakan harta terhadap pihak lain, dan kemalangan atau kebakaran terhadap kereta anda atau kecurian kereta anda.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

- Kecederaan tubas badan atau kematian terhadap pihak ketiga, tanpa had;
- Kerosakan harta pihak ketiga, had RM3,000,000; dan
- Kerugian atau kerosakan pada kereta anda akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan.

Manfaat pilihan yang anda mungkin beli dengan premium tambahan :

- Kerosakan cermin depan
- Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang
- Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang atas kecauaian
- Bencana Khas - banjir, ribut, tanah runtuh, perlindungan penurunan atau gelinciran tanah
- Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam
- Pampasan “Diskaun Tanpa Tuntutan” Tahun Semasa
- Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (CART)
- Endorsmen Kereta Sewa Persendirian (E-hailing) (Bukan-Tarif)
- Pengecualian eksekutif wajib untuk pemandu yang tidak dinamakan (Bukan-Tarif)
- Pengabaian sumbangan penambahbaikan (Bukan-Tarif)
- Penundaan tanpa had (Bukan-Tarif)

Nota: Ini merupakan kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura untuk memasuki negara ini tanpa perlindungan tambahan liabiliti penumpang terhadap motor insurans anda.

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada kereta kapasiti padu, amaun diinsuranskan, diskaun tanpa tuntutan (NCD), manfaat pilihan yang diperlukan dan syarat pengunderaitan terhadap syarikat insurans.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 10% daripada premium atau RM _____

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Anda mesti memastikan bahawa kenderaan anda diinsuranskan dengan amaun yang sesuai.
- Eksekutif wajib RM400 untuk polisi kereta persendirian, adalah jumlah kerugian amaun yang anda harus tanggung sekiranya orang yang memandu kenderaan anda:
 - di bawah umur 21 tahun;
 - pemegang lesen memandu sementara (P) atau percubaan (L); atau
 - tidak dinamakan dalam Jadual polisi sebagai pemandu dinamakan
- Tunai sebelum perlindungan - Insurans tidak berkesan sekiranya premium tidak dibayar

Kepentingan Pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti :

- Kematian anda sendiri atau kecederaan badan akibat kemalangan motor;
- Liabiliti anda terhadap tuntutan penumpang di dalam kereta anda;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat tindakan semula jadi seperti banjir, ribut atau tanah runtuh; dan
- Kerugian turutan, susut nilai, haus dan lusuh, kegagalan atau kerosakan mekanikal atau elektrik;

Nota: Senarai ini bukanlah senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada syarikat insurans. Setelah pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan pro-rata jika kenderaan anda telah diinsuranskan secara berterusan selama lebih dari dua belas (12) bulan atau kadar jangka pendek jika kenderaan tidak diinsuranskan secara berterusan selama lebih dari dua belas (12) bulan dalam Syarikat yang sama. Sebarang premium minimum yang dibayar di bawah polisi tidak akan dikembalikan. Premium bayaran balik dibenarkan sekiranya tiada tuntutan dibuat semasa Tempoh Insurans semasa.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberikan maklumat anda yang terkini melalui ejen kami yang diberikuasa, cawangan atau perkhidmatan pelanggan kami.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan insurans motor, Sila rujuk ke buku kecil maklumat insurans "Insurans motor", terdapat disemua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan dari pengantara insurans anda atau melawat laman web kami di www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans motor atau mana-mana jenis produk insurans, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.tokiomarine.com

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
Level 20, Menara Hap Seng 3,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812
Email: letusknow@tokiomarine.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Motor yang disediakan

- Perlindungan pihak ketiga
- Perlindungan pihak ketiga dan kecurian

NOTA PENTING

Anda mesti memastikan bahawa kenderaan anda diinsuranskan pada amaun yang sesuai kerana ia akan mempengaruhi amaun yang anda boleh tuntutan. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi kami untuk keterangan lanjut. Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024.